

**NO. SOALAN: 481**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**RUJUKAN : 9499**

**SOALAN:**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan hukuman gantung yang telah dilaksanakan setiap tahun dari Januari 2011-September 2016 mengikut kewarganegaraan, umur, negeri dan kesalahan dan juga bilangan hukuman gantung yang dijadualkan untuk dilaksanakan untuk baki tahun 2016 dari bulan Oktober ke Disember.

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman, statistik Jabatan Penjara dari Januari 2011 sehingga 30 September 2016 menunjukkan seramai 19 banduan telah menjalani hukuman gantung kerana melakukan pelbagai kesalahan yang membawa hukuman mati. Manakala setakat ini untuk baki tahun 2016 dari 30 September hingga Disember tiada hukuman gantung yang dijadualkan akan dilaksanakan kerana tiada perintah dan waran pelaksanaan hukuman yang diterima oleh Jabatan Penjara.**